Headline:	Investing $70 million within 2 years to study cities of tomorrow				
Media Title:	Berita Harian (Mon-Sat)			Date:	2019-07-24
Section:	Front Page	Page No:	01	Size:	15x24

$70 juta akan dilabur dalam 2 tahun kaji bandar 'masa depan'

SEKITAR $70 juta daripada $150 juta yang diperuntukkan di bawah program kajian Bandar Masa Depan (CoT), akan dilaburkan dalam masa dua tahun mendatang.

Ini adalah antara inisiatif penyelidikan dan pembangunan (R&D) bagi mencari huraian bandar, yang diumumkan Menteri Pembangunan Negara, Encik Lawrence Wong, dalam Kongres Kemampanan Bandar R&D, di Pusat Konvensyen Suntec Singapore, semalam.

Program CoT, yang menetapkan bidang kajian penting, adalah sebahagian daripada $900 juta yang diperuntukkan bagi huraian bandar dan kemampanan di bawah Pelan Kajian, Inovasi dan Perusahaan 2020, dalam membentuk Singapura, sebagai hab R&D, menurut kenyataan Kementerian Pembangunan Negara (MND) semalam.

Sejak program itu diperkenalkan pada 2017 dan tawaran beberapa geran, sebanyak 30 projek R&D telah disenaraikan bagi pelaburan permulaannya.

Tetapi usaha tersebut bersifat 'top-down' atau bermula dari atas, dan berdasarkan masalah nasional yang khusus, kata Encik Wong, juga Menteri Kedua Kewangan, dalam kongres dua hari yang berakhir hari ini.

Oleh itu, satu wadah keanggotaan yang menghimpunkan pemain industri, Perikatan Teknologi Sekitaran Binaan (Beta), telah ditubuhkan.

Menerusi inisiatif baru itu, syarikat dalam sektor sekitaran binaan boleh meraih lebih banyak manfaat daripada teknologi baru.

ENCIK LAWRENCE WONG

Inisiatif itu bertujuan menggalak dan menyokong pembangunan dan pelaksanaan huraian teknologi bagi merangsang keupayaan syarikat dalam sektor tersebut.

Sejauh ini, 15 syarikat pemaju, pembina dan konsultan – termasuk CapitaLand, Keppel Land, Woh Hup dan Surbana Jurong – sudah melahirkan minat dalam program itu.

"Melalui Beta, kita tidak akan menyatakan dengan khusus masalah atau cabaran yang dihadapi.

"Sebaliknya, kita akan membiarkan syarikat memacu proses itu dan memberi perincian tentang keperluan mereka," ujar Encik Wong.

Tambahnya, Beta akan menyediakan ruang fizikal, peralatan dan kemudahan bagi mengurangkan perbelanjaan modal serta sokongan pendanaan.

Beta akan diusahakan bersama oleh Penguasa Bangunan dan Binaan (BCA) dan Yayasan Kajian Nasional (NRF), dengan sokongan Agensi Sains, Teknologi dan Kajian, JTC Corporation serta Lembaga Perumahan dan Pembangunan (HDB).

Bagi meneroka huraian mengurangkan kesan perubahan iklim dan mempertingkat proses perkilangan konkrit demi tujuan produktiviti dan kemampanan, satu memorandum perjanjian persefahaman telah dimeterai antara HDB dengan syarikat Evonik (SEA) Pte. Ltd.

Ia antara lain akan meneroka usaha menerapkan bahan penebatan (insulation) bernama 'Calostat' di bumbung HDB untuk mengurangkan suhu, bermula suku pertama tahun depan.

Encik Wong juga mengumumkan satu perjanjian kerjasama kajian antara HDB dengan V-Key Pte Ltd, di bawah program Perusahaan Idea Baik HDB, bagi meninjau sistem eko yang terbuka dan selamat dalam flat bijak HDB, bagi membolehkan penggunaan pelbagai peralatan bijak.

Semasa acara itu juga, Encik Wong turut menyampaikan Anugerah R&D MND kepada lima projek terbaik.

Dua projek menerima anugerah cemerlang iaitu projek Smart Hub oleh HDB dan Project Wolbachia – Singapore, oleh Agensi Sekitaran Kebangsaan (NEA).

HDB kaji bina flat lebih dingin, guna teknik cetak 3D
– Muka 4